

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN NADWAH WANITA ISLAM SE MALAYSIA

TEMPAT: KOMPLEKS TABUNG HAJI, KELANA JAYA, SELANGOR

TARIKH: 28 NOV 1986

MASA:

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato Dr. Yusof Noor,  
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana  
Menteri;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian;

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan Nadwah Wanita Islam Se Malaysia ini. Saya berharap Nadwah ini akan membawa manfaat kepada kita semua, terutama dalam menghadapi tahun-tahun hadapan yang lebih mencabar bagi semua umat Islam.

Puan-puan sekalian,

2. Wanita Islam di Malaysia seperti juga wanita Islam di lain-lain negara, sedang menghadapi cabaran yang besar. Semenjak tamatnya Perang Dunia Kedua satu 'revolusi' wanita telah berlaku di Barat hasil daripada pendapat bahawa perkara yang utama bagi masyarakat manusia adalah equality, atau perimbangan. Pendapat ini menegaskan bahawa semua, man sama ada lelaki atau perempuan, putih atau hitam, miskin atau kaya, berpangkat tinggi atau rendah, terpelajar atau tidak adalah sama dan sama berhak. Sekaligus pendapat dan falsafah ini jelas adil dan patut di sanjung tinggi. Tetapi apabila sesuatu prinsip, konsep atau falsafah dituruti tanpa sekatan atau hadnya, maka keterlaluan akan berlaku dan tujuan yang baik boleh menjadi buruk.

3. Prinsip equality ini berpunca daripada prinsip demokrasi yang memberi taraf sama rata kepada semua manusia. Memang daripada segi logik keadilan, tidak patut ada diskriminasi antara manusia dengan manusia. Tetapi setakat manakah persamaan ini hendak dibawa?

4. Di Barat kita dapati konsep persamaan ini telah dibawa ke peringkat yang tidak munasabah lagi. Dalam soal lelaki dan perempuan, mereka mesti sama dalam segala-galanya. Oleh kerana perkataan 'Mr.' umpamanya tidak mendedahkan sama ada lelaki itu sudah beristeri atau tidak, maka wanita juga tidak mahu mendedahkan mereka sudah berkahwin dengan menggunakan perkataan 'Mrs.' Maka diciptakan 'Ms.' yang tidak memberi maklumat tentang bersuami atau tidak.

5. Terlanjur daripada itu, maka wanita Barat beranggapan mereka juga patut bebas daripada segi moral sepertimana mereka percaya ada lelaki yang bebas. Maka wujudlah 'singles bar' di Amerika Syarikat di mana lelaki dan wanita datang tanpa teman untuk berjumpa antara satu sama lain dan seterusnya. Dengan adanya ubat mencegah kehamilan, maka tidak ada takut-takut lagi untuk wanita mengadakan perhubungan dengan sesiapa sahaja, walaupun mereka sudah berkahwin.

6. Tetapi persamaan terus dikejar di Barat. Dalam semua bidang wanita mesti sama dengan lelaki sehingga kita tidak lagi dapat mengenal yang mana yang wanita dan yang mana yang lelaki. Pakaian, potongan rambut, kelakuan dan cara bercakap mereka, semuanya meniru lelaki untuk kononnya menghilangkan perbezaan antara wanita dan lelaki.

7. Lelaki pula, cuba menunjukkan bahawa mereka menyanjung tinggi persamaan dan tidak lagi melayan wanita sebagai kaum yang lemah yang perlu dilindungi tetapi sebagai kaum yang sama dengan lelaki dan tidak perlu berbahasa dengan mereka.

8. Namun demikian, amalan menjadikan wanita sebagai objek keghairahan masih diteruskan. Wanita yang begitu sekali ingin disamakan dengan lelaki, tidak segan-segan menggunakan kejelitaan mereka untuk memperolehi sesuatu bagi diri mereka. Mereka mendedahkan tubuh badan mereka dengan tidak berperasaan malu, sebagai umpan untuk sesuatu maksud.

9. Institusi perkahwinan hampir hapus di merata-rata tempat di Barat. Sekarang ini bintang-bintang filem dan muzik yang terkenal -- tidak segan mendapatkan anak di luar nikah. Peminat mereka dan orang awam pula tidak lagi memandang kepada perbuatan ini sebagai tidak bermoral. Orang ramai terus menyanjung tinggi mereka ini.

10. Oleh kerana institusi perkahwinan sudah lemah maka keluarga juga kurang bermakna. Anak dipelihara oleh ibu secara sambilan dan tidak dikenalkan kepada bapanya. Sudah tentu bapa tidak ambil tahu sama sekali tentang nasib anak. Dengan itu, maka hancurlah keluarga sebagai yunit masyarakat.

11. Demikianlah lanjutan daripada tuntutan untuk persamaan antara lelaki dan perempuan yang berlaku di negara-negara Barat. Walaupun tidak ketara, falsafah ini meresap juga di kalangan wanita Islam. Sekurang-kurangnya falsafah ini mempengaruhi pemikiran wanita Islam sama ada secara negatif atau positif.

12. Kita dapati ada wanita Islam yang takut akan aliran pemikiran wanita Barat ini sehingga mereka menganggap tidak boleh wujud persamaan sama sekali antara hak wanita dengan hak lelaki. Mereka ini berpendapat bahawa kedudukan wanita begitu rendah sehingga mereka tidak lebih daripada harta suami mereka yang boleh diperlakukan sesuka hati. Mereka berpendapat bahawa pelajaran dan kerja bukanlah untuk

mereka. Tugas mereka ialah melahirkan dan memelihara anak serta menjaga rumah.

13. Di samping itu, terdapat juga wanita Islam yang begitu terpicat dengan kebebasan wanita Barat ini sehingga mereka lupa akan tempat mereka dan menuntut supaya taraf dan kedudukan mereka menjadi 100%, sama dengan lelaki. Dan mereka ini pun terus melupakan sopan santun wanita Islam.

14. Dalam keadaan yang 'conflicting' ini, ada di antara wanita Islam yang berada dalam keadaan serba salah. Satu jenis polarisasi berlaku antara mereka yang ingin bebas dan mereka yang ingin memperhambakan diri kepada lelaki sebagai tanda ke-Islaman. Keadaan serba salah ini sedikit sebanyak telah melemahkan keupayaan wanita Islam dalam memainkan peranan yang berkesan dan baik bagi masyarakat Islam.

15. Seperti biasa sesuatu yang keterlaluan tidak boleh mendatangkan faedah. Aliran pemikiran Barat yang ekstrim tidak boleh ditentang dengan pengunduran wanita Islam keketerlaluan yang satu lagi. Kita perlu mencari jalan yang tengah supaya tenaga kita tidak terjejas. Dan jalan yang tengah atau sederhana adalah yang dituntut oleh agama Islam dalam semua bidang.

16. Islam sebenarnya ialah agama yang membebaskan dan memberikan taraf yang saksama kepada wanita. Tetapi taraf ini tidak bermakna bahawa perbezaan tidak wujud antara lelaki dengan perempuan. Ada tugas dan peranan yang lebih sesuai dan lebih baik dimainkan oleh kaum wanita. Tuhan menjadikan wanita dengan sifat-sifat tertentu yang memberi kelebihan kepada mereka dalam setengah-setengah bidang. Amatlah tidak sesuai jika peranan ini dimainkan oleh lelaki. Sebaliknya, sifat-sifat yang sama juga menghalang wanita daripada bergiat dalam bidang-bidang lain yang mana kaum lelaki lebih sesuai. Dengan itu, maka pembahagian tugas dapat dibuat dengan mendatangkan faedah kepada kedua-dua pihak dan kepada masyarakat Islam.

17. Di samping itu, ada pula tugas-tugas dan kegiatan yang sesuai untuk lelaki dan perempuan. Tidak ada sebab kenapa wanita tidak patut mengambil bahagian dalam bidang-bidang ini. Dengan penyertaan wanita, maka akan bertambahlah tenaga keluarga dan masyarakat Islam dan keupayaan mereka bersaing dengan lain-lain masyarakat.

18. Jika kita semua faham dan terima hakikat ini, maka tidak akan berlaku lagi pemberontakan yang sia-sia oleh wanita yang kononnya ingin bebas dalam segala-galanya dan ingin menjadi sama seperti lelaki. Demikian juga tidak akan terasing dan sia-sia tenaga dan kebolehan wanita dalam bidang-bidang yang mereka boleh memberi sumbangan.

19. Penerimaan hakikat ini juga akan menghilangkan tekanan jiwa yang sering melanda setengah-setengah wanita Barat. Apabila kita menerima sesuatu keadaan sebagai perkara perkara biasa dan kita tidak perlu memberontak terhadapnya,

kita akan menjadi lebih tenang dan lebih berkeupayaan menumpu segala tenaga dan fikiran kepada tugas-tugas yang perlu diselenggarakan. Dalam masyarakat yang wanitanya tenang dan menyumbangkan tenaga mereka bagi memajukan masyarakat, sudah tentulah kejayaan masyarakat itu lebih terjamin.

Puan-puan sekalian,

20. Dalam keadaan kegelisahan dan tidak tentu arah di kalangan kaum wanita, kaum lelaki juga kadang-kadang mengambil peluang. Dengan memeralatkan agama Islam, mereka sering meniadakan hak wanita. Dalam masyarakat Islam wanita kerap tertindas kerana ajaran yang kononnya berasas daripada Islam yang menekan bahawa wanita tidak ada hak apa-apa dalam Islam. Dengan itu wanita dikurung di dalam dan di luar rumah kerana perasaan cemburu lelaki. Setiap kegiatan wanita tertakluk kepada kehendak lelaki, dan mereka sanggup menghina wanita kerana ini kononnya adalah hak lelaki dalam Islam. Ajaran Islam yang disampaikan kepada wanita lebih tertumpu kepada amalan berbagai jenis larangan yang ditokok-tambah kepada amalan agama Islam. Apa yang perlu dibuat oleh wanita untuk mengukuhkan masyarakat Islam tidak diberi perhatian.

21. Sentimen ini juga terdapat di Malaysia di mana wanita sering menjadi sasaran orang-orang yang ingin menguasai mereka. Apabila mereka ini sudah berjaya menguasai fikiran wanita Islam, maka dibawalah ajaran Islam yang kononnya menekan tentang dosa yang dipikul oleh wanita sepanjang masa selagi mereka tidak dikahwinkan dengan orang-orang tertentu. Maka berlakulah kahwin kontrak sementara yang mengutamakan kepentingan lelaki semata-mata dan amalan poligami yang tidak seperti dikehendaki oleh agama Islam.

22. Tidak syak lagi bahawa sebahagian daripada sebabnya masyarakat Islam mundur ialah kerana kekeliruan tentang peranan wanita. Justeru itu, eloklah jika wanita Islam Malaysia memberi perhatian kepada perkara ini.

Puan-puan sekalian,

23. Orang Islam di Malaysia hanya separuh sahaja daripada penduduk negara ini. Orang Islam Malaysia pula mundur dalam bidang pelajaran dan ekonomi. Kita perlu kepada semua tenaga yang ada pada kita untuk mengatasi kemunduran kita dan untuk bersaing dengan orang lain. Kita tidak boleh melemahkan diri kita dengan menyingkirkan wanita Islam iaitu separuh daripada orang Islam di Malaysia dari bidang-bidang yang wanita berkemampuan dan sesuai.

24. Jika Nadwah ini dapat menggariskan jalan yang sederhana untuk wanita Islam, maka masyarakat Islam di Malaysia, dan di seluruh dunia juga akan memperolehi manfaat daripada perjumpaan ini.

25. Dengan harapan ini, saya membuka Nadwah Wanita Se

Malaysia ini dengan rasminya.  
Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.